

WANITA

membina
Masyarakat
Sejahtera



Nasiibah Ramli
Mohd Khairy Kamarudin
Mohd Hafiz Mohd Dasar

Wanita Membina Masyarakat Sejahtera

Nasiibah Ramli
Mohd Khairy Kamarudin
Mohd Hafiz Mohd Dasar

2024

Cetakan Pertama 2024 Edisi Pertama

© Nasiibah Ramli, Mohd Khairy Kamarudin & Mohd Hafiz Mohd Dasar
Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Wanita Membina Masyarakat Sejahtera 2024/ Editor: Nasiibah Ramli, Mohd Khairy Kamarudin & Mohd Hafiz Mohd Dasar

ISBN 978-629-97595-6-0

1. Religious institutions-Congresses.
2. Social Media-Religious aspects-Islam-Congresses.
3. Government publications-Malaysia.
- I. XXXX
- II. Judul.
- III. 361.75

Editor

Nasiibah Ramli
Mohd Khairy Kamarudin
Mohd Hafiz Mohd Dasar

Terbitan Bersama

T07, Akademi Tamadun Islam Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor,
Johor Darul Takzim

&

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim (YPKDT)
Bangunan Dato' Muhamad Ibrahim Munsyi, Kota Iskandar,
80000 Iskandar Puteri, Johor Darul Takzim

Kandungan

Penyumbang

Prakata

Bab 1	AKTA OKU 2008 DAN KERAJAAN NEGERI: SUATU ANALISIS DAN CADANGAN	15
	<i>Ikmal Hisham Md Tah</i>	
Bab 2	ENSURING THE SUSTAINABILITY OF SURVIVING FAMILY MEMBERS: THE CRITICAL ROLE OF PERSONAL REPRESENTATIVES IN ESTATE ADMINISTRATION IN MALAYSIA	31
	<i>Muhammad Amrullah Drs Nasrul, Mahyuddin Daud and Amelia Yuliana Abd Wahab</i>	
Bab 3	PENGLIBATAN REMAJA DALAM KEGIATAN JENAYAH: ANALISIS TAHAP PEMAHAMAN REMAJA TERHADAP PERKARA 5-13 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA	45
	<i>Noor Azmira Mohamed and Lim Shiau Mooi</i>	
Bab 4	PERANAN USRAH DALAM MEMBINA KELUARGA SAKINAH	69
	<i>Nur Farah Alia Zahrullail , Roslenda Mohd Rawi and Nur Najwa Hanani Abd Rahman</i>	
Bab 5	MARITAL ATTITUDE AS A MEDIATOR IN THE RELATIONSHIP BETWEEN	93

	MARITAL SPIRITUALITY AND MARITAL COMMITMENT	
	<i>Aisya Vania Zafri, Rumaya Juhari, Zainal Madon, Zarinah Arshat and Muslihah Hasbullah@Abdullah</i>	
Bab 6	SELF AND OTHER REPRESENTATION OF VICTIMS AND PERPETRATORS OF SEXUAL HARASSMENT IN MALAYSIAN ONLINE NEWSPAPERS	119
	<i>Syarifah Syahidah Sy Sulaiman and Ungku Khairunnisa Ungku Mohd Nordin</i>	
Bab 7	KERJA SOSIAL DALAM MANDIRIKAN MANGSA PEMERDAGANGAN MANUSIA DI RUMAH PERLINDUNGAN KE-4	141
	<i>Shahrol Rozaat Abdul Rasih</i>	
Bab 8	ANALISIS NEWS TERHADAP KESEJAHTERAAN REMAJA DAN IMPLIKASI SALAH LAKU	159
	<i>Khairunesa Isa, Zarinah Arsat, Binti Maumah, Syahrudin</i>	
Bab 9	COUNSELING AT THE INTERSECTION: MANAGING WORK- FAMILY CONFLICT AMONG PUBLIC SERVANTS IN MALAYSIA	179
	<i>Fusliza Mohamed Yusop, and Dharatun Nissa Puad Mohd Kari</i>	
Bab 10	IMPLEMENTASI PANCAJIWA GONTOR DALAM RUMAH TANGGA ALUMNI GONTOR PUTRI DI KOTA BATAM	197
	<i>Syamsul Effendi dan Aminudin Hehsan</i>	
Indeks		211

BAB

8

ANALISIS NEWS DARI PERSPEKTIF REMAJA MALAYSIA

Khairunesa Isa, Zarinah Arshat, Binti Maunah, Syahrudin

8.1 PENGENALAN

Kehidupan dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi pada hari ini menyebabkan remaja berhadapan dengan pelbagai cabaran hidup. Fenomena seperti perubahan sosial yang drastik, persaingan akademik dan pengaruh media sosial telah mencetuskan landskap baharu dalam gaya hidup dan kesejahteraan hidup remaja. Isu-isu semasa seperti peningkatan kos sara hidup, penularan maklumat palsu, kebimbangan terhadap peluang pekerjaan, keghairahan untuk hidup dalam kemewahan dan tekanan untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan turut menambah beban generasi muda. Senario ini menyebabkan berlakunya peningkatan kes salah laku dalam kalangan remaja yang kadang kala kedengaran seperti tidak masuk akal. Isu seperti ponteng sekolah dan kenakalan remaja, hingga ke masalah yang lebih serius seperti penyalahgunaan dadah, salah laku seks, pembunuhan dan keganasan menjadikan masa hadapan kelompok pemimpin muda ini semakin membimbangkan.

Laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana meningkat sebanyak

37.5 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya iaitu tahun 2020 (Harian Metro, September 2024). Manakala bagi kes jenayah syariah pula, kes khalwat adalah antara kes yang banyak berlaku di Malaysia dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur. Malah, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay juga melaporkan bahawa jenayah tertinggi dicatatkan bagi pesalah bawah umur adalah bagi kes rogol, diikuti dadah, mencederakan orang dan mencuri motosikal. Kenyataan ini disokong oleh Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) (2022) yang menunjukkan seramai 154,646 remaja di Malaysia pernah melakukan hubungan seks dan 33% mula berhubung seks sebelum umur 14 tahun remaja.

Kes penagihan dadah juga menunjukkan trend meningkat setiap tahun. Laporan dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan menunjukkan seramai 20,157 orang penagih dadah dikesan pada tahun 2019. Berdasarkan laporan ini juga memaparkan purata penagih baharu yang dikesan adalah sebanyak 17,439 orang, manakala bilangan penagih berulang adalah seramai 2,718 orang (AADK, 2020). Laporan AADK tahun 2023 bagi penyalahgunaan, penagih dadah serta bahan bagi tahun 2022 pula menunjukkan seramai 1,451 penagih dari kategori umur 13 – 18 tahun dan 90, 520 orang penagih berumur antara 19 – 39 tahun. Lebih membimbangkan rekod menunjukkan seorang penagih berumur antara 0 – 12 tahun.

Remaja di Malaysia juga terdedah dengan masalah kesihatan mental. Menurut Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN), masalah kesihatan mental didapati berkait rapat dengan tingkah laku bunuh diri. Sebanyak 1,142 kes telah dilaporkan pada tahun 2021, berbanding dengan 631 kes pada tahun 2020. Peningkatan ketara sebanyak 81 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya menunjukkan keperluan mendesak untuk menangani isu ini (Berita Harian, Oktober 2022). Apa yang membimbangkan adalah masalah kesihatan mental kini turut menular kepada golongan kanak-kanak di mana seorang daripada 20 orang kanak-kanak berusia 5 hingga 9 tahun di Malaysia mengalami gangguan mental (Majlis

Keselamatan Negara, 2023). Sementara itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah merekodkan sebanyak 424,000 kanak-kanak di Malaysia disahkan mengalami masalah mental.

Statistik turut menunjukkan berlaku peningkatan kes jenayah bagi murid sekolah rendah pada tahun 2023 sebanyak 25 kes berbanding tahun sebelumnya (2022) iaitu sebanyak 15 kes (Sinar Harian, Jun 2024). Manakala bagi kes jenayah melibatkan pelajar sekolah menengah pula menunjukkan variasi pola yang tidak tetap iaitu selepas penurunan ketara dari 92 kes pada 2019 ke 46 kes pada 2020, jumlah kes meningkat semula pada 2021 dengan 68 kes. Tahun 2022 mencatatkan lonjakan yang signifikan kepada 277 kes, diikuti sedikit penurunan pada 2023 dengan 268 kes. Fenomena ini boleh jadi disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi peningkatan pada tahun 2022 misalnya seperti faktor sosial, ekonomi atau lainnya.

Berdasarkan beberapa fenomena salah laku sosial remaja di atas, maka adalah penting untuk memahami dinamika kesejahteraan remaja menurut perspektif remaja dan hubungannya dengan salah laku remaja. Kajian ini bertujuan untuk meneroka hubungan antara jenis salah laku yang timbul dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan remaja. Aspek kesejahteraan yang cuba dikenal pasti dalam kajian ini merujuk kepada elemen Keperluan, Jangkaan, Kehendak dan Kepuasan (Need, Expectation, Wants, dan Satisfaction, NEWS) remaja. Menggunakan kaedah kuantitatif, data kajian dianalisis secara tematik berdasarkan tema yang terhasil dari analisis NEWS.

8.2 KAJIAN LEPAS

Kesejahteraan adalah konsep yang kompleks dan melibatkan konsep yang merangkumi pelbagai dimensi kehidupan, termasuk aspek emosi, psikologi dan sosial. Kesejahteraan sering ditakrifkan sebagai keadaan di mana individu mengalami emosi positif, kepuasan hidup, dan berfungsi dengan berkesan dalam kehidupan seharian mereka. Secara umumnya kesejahteraan dibincangkan sebagai sinonim kepada kesihatan, kebahagiaan dan kepuasan (Bautista et al., 2023).

Kesejahteraan juga akan dapat dicapai sekiranya keperluan jasmani dan rohani dapat dipenuhi. Hierarki Keperluan Maslow yang dicadangkan oleh Abraham Maslow pada tahun 1943, menggariskan model lima peringkat keperluan manusia. Rangka kerja ini sering digambarkan sebagai piramid. Menurut Maslow individu perlu memenuhi tahap keperluan yang paling asas terlebih dahulu sebelum dapat meneruskan kepada tahap yang lebih tinggi. Tahap pertama adalah untuk memenuhi keperluan fisiologi. Perkara ini adalah keperluan manusia yang paling asas untuk terus hidup, termasuk udara, air, makanan, tempat tinggal, dan tidur. Tahap kedua ialah jaminan keselamatan untuk memastikan manusia dapat meneruskan melangsungkan kehidupan. Keluarga merupakan tempat pertama mendapat keperluan keselamatan seperti juga keperluan fisiologi. Oleh yang demikian, sekiranya seseorang remaja dapat memenuhi keperluan ini, mereka akan merasa tenteram, selesa dan dapat mempercayai orang disekeliling serta persekitarannya. Sekiranya mereka tidak dapat memenuhi keperluan ini, mereka akan merasa terancam dan takut sehingga mengakibatkan kesejahteraan tidak dapat dicapai.

Tahap ketiga adalah keperluan kasih sayang dan perasaan dipunyai terutama dari orang yang paling hampir dengannya seperti ibu bapa dan ahli keluarga. Tahap ini juga merangkumi hubungan emosi, seperti persahabatan dan ikatan romantis. Manusia mempunyai keinginan intrinsik untuk tergolong dalam kumpulan sosial. Tahap yang keempat adalah keperluan penghargaan. Penghargaan terbahagi kepada dua kategori iaitu penghargaan sendiri (harga diri, pencapaian) dan penghargaan daripada orang lain (pengiktirafan dan penghormatan). Memenuhi keperluan ini dapat memupuk perasaan harga diri dan pencapaian. Tingkat yang paling atas adalah pencapaian nirwana diri yang merujuk kepada merealisasikan potensi penuh seseorang dan mencari pertumbuhan peribadi dan pengalaman puncak. Bagi mencapai tingkat yang paling tinggi ini, seseorang perlu melakukan kreativiti, penyelesaian masalah, dan pembangunan peribadi.

Kesejahteraan remaja banyak dipengaruhi oleh persekitaran yang paling hampir sehinggalah persekitaran yang lebih makro. Teori

Bioekologi Manusia oleh Bronfenrenner (1979) menyediakan kerangka kerja komprehensif untuk memahami perkembangan remaja dengan menekankan interaksi antara ciri individu dan pelbagai konteks persekitaran. Teori ini mengkategorikan persekitaran kepada lima sistem iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem, dan kronosistem yang saling berkaitan, mempengaruhi pertumbuhan dan tingkah laku anak. Mikrosistem merupakan persekitaran yang paling hampir iaitu remaja berinteraksi, termasuk keluarga, rakan sebaya, sekolah dan komuniti setempat. Hubungan dalam sistem ini adalah dua hala; contohnya, keibubapaan yang menyokong boleh meningkatkan harga diri dan prestasi akademik kanak-kanak, manakala interaksi rakan sebaya yang negatif boleh membawa kepada isu seperti kebimbangan atau kemurungan.

Mesosistem merangkumi hubungan antara mikrosistem yang berbeza. Sebagai contoh, hubungan antara kehidupan rumah kanak-kanak dan persekitaran sekolah mereka boleh memberi kesan yang ketara kepada perkembangan keseluruhan mereka. Interaksi positif antara ibu bapa dan guru boleh memupuk hasil pendidikan yang lebih baik. Eksosistem merujuk kepada persekitaran yang secara tidak langsung terlibat dalam perkembangan remaja. Contohnya termasuk tempat kerja ibu bapa atau sumber komuniti yang mempengaruhi dinamik keluarga dan ketersediaan perkhidmatan sokongan. Makrosistem adalah persekitaran yang mewakili konteks budaya dan masyarakat yang lebih besar, termasuk undang-undang, adat resam dan keadaan ekonomi. Sebagai contoh, sikap masyarakat terhadap pendidikan dan kesihatan mental boleh mempengaruhi cara remaja melihat pengalaman dan cabaran mereka sendiri. Akhir sekali adalah kronosistem yang mengambilkira dimensi masa, termasuk peralihan kehidupan dan peristiwa sejarah yang boleh menjejaskan pembangunan dari semasa ke semasa. Perubahan seperti berpindah ke sekolah baharu atau mengalami penceraian keluarga berada di bawah sistem ini dan boleh memberi kesan berpanjangan kepada kesejahteraan psikologi remaja.

Kajian oleh Nageswary, Mohd Nazri dan Ahmad Shamsuri (2021) menunjukkan bahawa remaja di Selangor, Malaysia, secara amnya mengalami tahap kesejahteraan psikologi yang sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun ramai remaja berfungsi dengan baik, terdapat ruang yang besar untuk penambahbaikan. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi yang lebih rendah termasuk kesukaran dalam identiti diri, kemahiran pengurusan diri yang rendah dan sokongan ibu bapa yang tidak mencukupi. Selain daripada itu, kualiti hubungan ibu bapa-remaja juga adalah penting untuk kesejahteraan remaja. Laporan Adolescent Health Survey 2022 di Malaysia, mendapati sebanyak 58% remaja menyatakan hubungan mereka dengan ibu bapa tidak rapat. Keadaan ini mengakibatkan peningkatan penglibatan remaja dalam tingkah laku berisiko tinggi (Adolescent Health Survey, 2022; Aho, Koivisto, Paavilainen & Joronen, 2018; Yimer & Ashebir, 2019).

Penglibatan ibu bapa yang positif melalui komunikasi terbuka dan sokongan emosi boleh mengurangkan risiko remaja untuk terlibat dalam salah laku (Smyth & Darmody, 2021). Salah laku yang kebiasaannya berlaku dalam kalangan remaja ialah penyalahgunaan dadah, seks bebas, jenayah kekerasan, juvana dan merosakkan harta benda (Nurzatil et al., 2022). Nurzatil et al. (2022) mendapati antara penyebab kepada salah laku dalam kalangan remaja di pusat pemulihan adalah ibu bapa dan keluarga, penggunaan teknologi yang tidak dikawal, kurang didikan agama, berkeinginan kepada kemewahan, menjadikan ikon media sosial sebagai idola, pengaruh rakan sebaya dan akses mudah untuk mendapatkan dadah. Hasil kajian Kamaluddin dan rakan-rakan (2021) menunjukkan pengaruh rakan sebaya, persekitaran keluarga dan tempat tinggal, tekanan yang dialami remaja dan kurang pengetahuan serta didikan agama adalah faktor utama yang menyumbang kepada gejala penagihan dadah. Selain daripada, itu penggunaan teknologi komunikasi yang memudahkan perhubungan antara lelaki dan perempuan yang tidak terkawal turut menyumbang salah laku akhlak remaja pada masa kini (Abd. Majid, Azman, & Mohd Yani, 2019).

8.3 METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk tinjauan ini dijalankan secara rawak mudah dalam kalangan remaja yang berumur antara 13 tahun dan ke atas. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang mempunyai soalan tertutup dan soalan terbuka. Manakala kaedah mendapatkan data adalah melalui edaran soal selidik secara dalam talian. Soal selidik ini terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu A) Bahagian Demografi Pelajar berbentuk soalan tertutup dan B) Bahagian Analisis NEWS. Bahagian Analisis NEWS Kesejahteraan berbentuk soalan terbuka dan merujuk kepada perspektif responden terhadap elemen Keperluan (Needs), Jangkaan (Expectation), Kehendak (Wants) dan Kepuasan (Satisfaction) yang boleh mendorong kepada kesejahteraan remaja. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik deskriptif berdasarkan elemen NEWS, menggunakan perisian SPSS versi 24.

8.4 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibentangkan mengikut bahagian di dalam borang soal selidik iaitu dimulakan dengan Bahagian Demografi Responden dan Analisis NEWS Kesejahteraan.

8.4.1 DEMOGRAFI RESPONDEN

Seramai 383 responden yang terdiri dari remaja telah terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden (83.8%, n=321) berada dalam lingkungan umur 18 hingga 22 tahun, diikuti responden berumur 23 tahun ke atas iaitu sebanyak 10.7% (n=41) responden. Hanya segelintir remaja terlibat dalam kajian ini iaitu sebanyak 5.5% (n=21) berusia 13 hingga 17 tahun. Dari segi gender, analisis menunjukkan pola keseimbangan yang hampir ketara antara responden lelaki 50.1% (n=192) dengan responden wanita iaitu sebanyak 49.9% (n=191). Keseimbangan ini membolehkan analisis

yang dilakukan menggambarkan responden secara keseluruhan iaitu tidak berat sebelah berdasarkan gender.

Dapatan kajian menunjukkan wujud pola kepelbagaian geografi responden. Kebanyakan responden berada di kawasan bandar iaitu sebanyak 43.3% (n=166) dan sebahagian dari mereka berada di kawasan luar bandar (38.6%, n=148). Hanya segelintir dari mereka sahaja yang menetap di pinggir bandr iaitu sebanyak 18.0% (n=69). Dari aspek hierarki kekeluargaan, majoriti responden merupakan anak kedua dalam kedudukan adik beradik iaitu sebanyak 60% (n=230) diikuti anak sulung 26.1% (n=100). Manakala anak bongsu dan anak tunggal masing-masing mewakili 11.0% (n=42) dan 2.9% (n=11) daripada keseluruhan responden. Boleh jadi hierarki kedudukan anak dalam keluarga ini boleh mempengaruhi tingkah laku dan perseptif kesejahteraan dalam kajian ini.

Separuh daripada responden kajian berasal dari keluarga bersaiz sederhana iaitu responden yang mempunyai 2 hingga 4 orang adik-beradik (59.0%, n=226), diikuti saiz keluarga yang lebih besar iaitu mempunyai 5 hingga 7 orang adik-beradik (32.9%, n=126).

Analisis juga menunjukkan sebahagian besar responden (82.2%, n=315) mempunyai ibu bapa yang tinggal bersama, sebilangan kecil daripada mereka mempunyai ibu dan bapa yang telah berpisah (21%, n=5.5%) dan hanya sedikit sahaja responden mempunyai ibu dan bapa yang tinggal berasingan iaitu sebanyak 14% (n=3.7%). Dalam konteks pekerjaan, lebih dari separuh ibu responden tidak bekerja (55.9%, n=214), manakala bagi ibu responden yang bekerja pula hampir keseluruhannya berada dalam sektor awam (23.5%, n=90). Bagi bapa pula, dapatan menunjukkan taburan yang seimbang antara mereka yang bekerja di sektor awam (22.7%, n=87) dengan bekerja sendiri (22.2%, n=85) dan tidak bekerja (21.4%, n=82). Manakala peratusan tertinggi menunjukkan kebanyakan bapa responden bekerja dalam sektor swasta iaitu sebanyak 33.7% (n=129).

Selain itu, analisis juga menunjukkan majoriti responden sedang mengikuti pengajian di peringkat diploma (51.7%, n=198), diikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda (35.2%, n=135). Hanya

segelintir mewakili populasi pelajar sekolah menengah mewakili 12.0% (n=46) dan sebahagian kecil sahaja responden di peringkat pascasiswazah iaitu sebanyak 1.0% (n=4). Ringkasan demografi responden seperti dinyatakan dalam Jadual 8.1.

Jadual 8.1 Ringkasan demografi responden

Pembolehubah	Items	N	%
Umur	13 tahun - 17 tahun	21	5.5%
	18 tahun - 22 tahun	321	83.8%
	23 tahun dan ke atas	41	10.7%
Gender	Lelaki	192	50.1%
	Perempuan	191	49.9%
Lokasi	Bandar	166	43.3%
	Pinggir bandar	69	18.0%
	Luar bandar	148	38.6%
Kedudukan adik beradik	Anak pertama	100	26.1%
	Anak kedua	230	60.1%
	Anak bongsu	42	11.0%
	Anak tunggal	11	2.9%
Jumlah adik beradik	Anak tunggal	11	2.9%
	2 - 4 orang adik beradik	226	59.0%
	5 - 7 orang adik beradik	126	32.9%
	8 - 10 orang adik beradik	16	4.2%
	Lebih dari 11 adik beradik	4	1.0%
Status perkahwinan ibu bapa	Ibu bapa tinggal bersama	315	82.2%
	Emak telah meninggal dunia	6	1.6%
	Ayah telah meninggal dunia	27	7.0%
	Ibu dan bapa bercerai	21	5.5%
	Ibu dan bapa tinggal berasingan	14	3.7%

Pekerjaan Ibu	Sektor swam	90	23.5%
	Sektor swasta	53	13.8%
	Bekerja sendiri	26	6.8%
	Tidak bekerja	214	55.9%
Pekerjaan Bapa	Sektor swam	87	22.7%
	Sektor swasta	129	33.7%
	Bekerja sendiri	85	22.2%
	Tidak bekerja	82	21.4%
Pendidikan Semasa	Sekolah menengah	46	12.0%
	Diploma	198	51.7%
	Sarjana muda	135	35.2%
	Sarjana/ PhD	4	1.0%

8.4.2 Analisis Salah Laku dan Analisis NEWS Kesejahteraan

8.4.2.1 Analisis Salah Laku

Analisis menunjukkan sebanyak 12.8% (n=49) responden mengaku pernah terlibat dengan jenayah dan selebihnya menyatakan tidak pernah terlibat dengan aktiviti salah laku atau jenayah. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 10 jenis kesalahan dengan 186 kekerapan telah dikenal pasti. Berdasarkan analisis, ponteng kelas didapati aktiviti salah laku paling dominan dilakukan oleh responden iaitu sebanyak 55 kekerapan. Fenomena ini boleh dikaitkan dengan faktor multidimensi yang mungkin berpunca daripada kurikulum yang kurang relevan, persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif, pengaruh rakan sebaya atau masalah peribadi pelajar. Secara tidak langsung, perkara ini menjadi petunjuk kepada tahap penglibatan pelajar yang rendah dalam proses pembelajaran dan mendorong kepada aktiviti salah laku yang lain. Misalnya seperti aktiviti salah laku bergaduh yang mencatatkan kekerapan sebanyak 33 dan merokok (27 kes). Bergaduh dan merokok boleh dikaitkan dengan kekurangan sokongan sosial atau pengurusan konflik dalam kalangan remaja. Hal ini disebabkan dalam fasa ini, remaja mengalami perubahan neurobiologi dan psikososial yang

signifikan, yang sering menyebabkan ketidakstabilan emosi dan tingkah laku berisiko.

Bagi salah laku mencuri dan vandalisme pula, masing-masing mencatatkan 14 kekerapan kes. Manakala keganasan terhadap hidupan pula mencatatkan 13 kekerapan kes. Fenomena salah laku seperti mencuri, vandalisme, dan keganasan terhadap hidupan dalam kalangan remaja mencerminkan masalah yang timbul dalam interaksi remaja dengan persekitaran. Menurut Teori Bronfenbrenner (1979), tingkah laku remaja boleh difahami dengan cara melihat hasil interaksi antara remaja bersama pelbagai lapisan di persekitaran mereka. Usaha seperti memperkuat sistem sokongan keluarga (mikrosistem), meningkatkan kerjasama antara sekolah dan keluarga (mesosistem), mempertimbangkan kesan dasar awam terhadap keluarga (eksosistem), menangani isu-isu sosial seperti kemiskinan (makrosistem), dan mengambil kira perubahan sosial yang lebih luas seperti peningkatan penggunaan media sosial (kronosistem) boleh dijadikan panduan pertimbangan dalam memperbaiki tingkah laku baik remaja.

Walaupun kes mengintai (5 kes), salah laku seks (4 kes), dan penyalahgunaan dadah (3 kes) hanya mencatatkan bilangan yang lebih rendah, namun hal ini perlu diberi perhatian serius dalam usaha mengenal pasti punca dan faktor bagaimana fenomena itu berlaku. Kurang kasih sayang, belaian dan perhatian dari ahli keluarga juga mendorong kepada remaja untuk mendapatkan perhatian melalui cara yang tidak sihat. Selari dengan era pendigital, dapatan juga menunjukkan sebanyak 4 kes jenayah digital telah dilakukan oleh remaja. Salah laku ini sekiranya tidak dibendung di peringkat awal remaja maka perkara ini akan terus menyumbang kepada kadar kenaikan isu jenayah media sosial seperti buli siber, pemalsuan identiti, penipuan dalam talian, penyebaran berita palsu, pelanggaran hak cipta dan pelbagai jenayah media sosial yang lain. Sifat ingin tahu, rendahnya tahap literasi teknologi maklumat dan kurang akses terhadap peralatan pembelajaran boleh menyebabkan remaja terlibat dalam jenayah digital ini. Perincian jenis jenayah dan salah laku adalah seperti di Jadual 8.2.

Jadual 8.2 Perincian Jenis Jenayah dan Salah Laku

Jenis salah laku	Bilangan
Ponteng kelas	55
Bergaduh	33
Mencuri	14
Vandalisma	14
Keganasan	13
Mengintai	5
Salah laku seks	4
Merokok	27
Dadah	3
Jenayah Digital	4

8.4.2.2 Analisis NEWS Kesejahteraan

Dapatan ini membentangkan tema-tema yang dihasilkan dari nilai kekerapan responden terhadap model NEWS (Keperluan, Jangkaan, Kehendak dan Kepuasan) kesejahteraan mengikut perspektif responden. Terdapat empat tema yang dapat dibangunkan mengikut domain N, E, W dan S. Analisis menunjukkan terdapat sebanyak 380 kekerapan dicatatkan dalam domain Needs (Keperluan) yang mana item "Makan minum tempat tinggal" dan "Duit / pendapatan," mempunyai kekerapan yang tinggi ($f=137$ dan $f=99$). Kedua-dua item ini merupakan aspek asas yang perlu dipenuhi oleh manusia untuk kelangsungan hidup dan menjadikannya tema utama dalam domain ini. "Kata-kata semangat / support system" mempunyai sebanyak 79 manakala "Ketenangan diri" mempunyai 31 kekerapan. Dua elemen ini menggambarkan bahawa sokongan emosi dan mental adalah elemen yang diperlukan oleh remaja untuk menghadapi cabaran hidup. "Pegangan dan pengukuhan Agama," pula didapati mempunyai kekerapan sebanyak 29. Walaupun agama merupakan asas dalam pegangan hidup namun menurut perspektif remaja, perkara ini bukan keutamaan berbanding keperluan asas fisiologi dan sokongan emosi. Sementara itu "Laptop atau akses kepada peralatan belajar" telah mencatatkan kekerapan jauh lebih rendah iaitu 5. Kekerapan yang rendah ini boleh disebabkan oleh beberapa faktor seperti harga, akses

kepada teknologi, dan infrastruktur internet yang tidak memadai boleh menghalang individu daripada memiliki peralatan yang diperlukan untuk pembelajaran. Berdasarkan dapatan tersebut, empat tema yang dapat dibangunkan ialah Tema Keperluan Asas, Tema Pendidikan, Tema Sokongan dan Tema Nilai dan Spiritual.

Analisis seterusnya merujuk kepada Expectation atau jangkaan responden terhadap aspek kesejahteraan mereka. Item "Mendapat pekerjaan" mencatatkan kekerapan paling tinggi iaitu 101, diikuti item "Berjaya dalam pelajaran" ($f=97$) dan "Berjaya dalam kehidupan (berdikari)" sebanyak 92 kekerapan. Ketiga elemen ini mencerminkan harapan dan aspirasi remaja untuk masa hadapan yang lebih stabil. Secara tidak langsung ia juga menunjukkan keinginan responden untuk mencapai pembangunan peribadi yang positif pada masa hadapan. Remaja juga menjangkakan untuk "kasih sayang atau perhatian dari ibu bapa" ($f=20$). Perkara ini menunjukkan bahawa hubungan keluarga dan emosi adalah elemen penting yang diharapkan dalam kehidupan seorang remaja. Namun, dapatan juga mencatatkan "tertekan masalah keluarga" sebagai segelintir jangkaan dari responden. Walaupun mencatatkan nilai kekerapan rendah, perkara ini boleh diandaikan sebagai individu mungkin berusaha untuk mengatasi tekanan dengan memberi perhatian kepada hubungan yang positif. Harapan untuk mendapatkan kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa adalah aspek penting dalam membina kesejahteraan emosi, yang turut menyokong pencapaian peribadi. Sementara itu, item "Hidup mewah" turut mencatatkan nilai kekerapan tinggi sebanyak 34 yang mana secara tidak langsung mencerminkan harapan untuk mencapai taraf hidup dan pekerjaan yang lebih baik. Meskipun kekerapan ini tidak setinggi item lain, perkara ini menunjukkan bahawa individu juga menjangkakan untuk menikmati kehidupan yang selesa sebagai hasil dari pencapaian peribadi mereka. Sama seperti Needs, dapatan menunjukkan item berunsur keagamaan iaitu "Soleh atau Solehah" mencatatkan nilai kekerapan rendah berbanding item lain. Sungguh pun kekerapan ini lebih rendah, boleh dikatakan bahawa responden juga berharap mereka dapat mengamalkan nilai yang baik dan mencapai keredhaan dalam

konteks agama untuk mencapai kejayaan dan kesejahteraan. Berdasarkan kekerapan item yang ada, empat tema yang dapat dibangunkan ialah Tema Pencapaian Peribadi, Tema Kesejahteraan Emosi, Tema Nilai Agama dan Tema Kedudukan Sosioekonomi.

Item "Duit / kewangan / Berjaya dan Bekerjaya" ($f=211$) dan "Kesenangan / mewah" ($f=129$) mencatatkan nilai kekerapan tertinggi dalam domain Wants (Kehendak). Nilai kekerapan yang tinggi ini masih menjurus kepada aspek kejayaan dan kewangan sama seperti dalam domain Expectation (Jangkaan). Relatifnya ini menunjukkan bahawa aspek kewangan dan kesenangan adalah keutamaan tertinggi bagi individu untuk mencapai kesejahteraan hidup. Selain itu, responden juga didapati berkehendakkan untuk "Membanggakan keluarga" ($f=49$) dan "Berkahwin dan Berkeluarga" ($f=30$). Kedua item ini boleh memperlihatkan bagaimana responden menjadikan institusi keluarga itu sebagai keutamaan dalam kehidupan. Disebabkan itu, responden juga berharap dapat "Menjadi inspirasi kepada orang lain" dengan nilai kekerapan 28. Biar pun kekerapan "Menjadi inspirasi" lebih rendah, hal ini menunjukkan bahawa individu tidak hanya berfokus kepada kejayaan peribadi, tetapi juga kepada impak positif yang boleh mereka berikan kepada masyarakat. Analisis seterusnya mencatatkan item "Beragama" ($f=29$) dan "Cantik" ($f=12$) dengan nilai kekerapan lebih rendah berbanding yang lain. Elemen beragama mencerminkan aspirasi individu untuk mengamalkan nilai-nilai moral dan spiritual dalam kehidupan mereka, sementara kecantikan diri dapat dianggap sebagai bentuk penilaian sosial yang mempengaruhi identiti individu. Dari nilai kekerapan yang diperoleh, sebanyak empat tema yang dapat dibangunkan adalah Tema Kesejahteraan Kewangan, Tema Pencapaian Hidup, Tema Hubungan dan Kekeluargaan dan Tema Spiritual dan Kecantikan.

Dapatan analisis bagi domain Satisfaction (Kepuasan) mendapati item "Membangga dan membahagiakan keluarga/ibu bapa" mempunyai kekerapan tertinggi iaitu 219 diikuti "Berjaya dalam hidup (kerja / belajar)" dengan kekerapan sebanyak 149. Penekanan ini menunjukkan bahawa tanggungjawab terhadap keluarga adalah

pendorong utama bagi responden mendapatkan kebahagiaan dan keluarga berfungsi sebagai sumber motivasi yang kuat dalam kehidupan mereka. Responden juga berpendapat sekiranya mereka “Mendapat apa yang diinginkan (hobi/kenderaan/pakaian/wang/hadiah” ($f=57$), perkara ini menunjukkan bahawa pencapaian material mungkin bukanlah satu-satunya sumber kepuasan, tetapi lebih kepada pengakuan dan kejayaan yang diperoleh. “*Support system*” ($f=40$) atau sistem sokongan juga didapati menjadi keutamaan bagi responden mencapai kepuasan dalam kehidupan. Walaupun kekerapan untuk “Gembira melihat orang lain gembira” ($f=12$) dan “Menenangkan diri sendiri” ($f=10$) lebih rendah, namun hal tersebut masih menggambarkan elemen hubungan sosial dianggap penting oleh responden untuk mencapai kesejahteraan hidup. Dalam domain kepuasan, “Memperbaiki diri dengan ilmu agama/bersyukur” mencatatkan nilai kekerapan yang agak tinggi iaitu 47 dan secara tidak langsung boleh dikatakan responden tetap mengutamakan nilai keagamaan dalam kehidupan biarpun elemen keduniaan menjadi keutamaan. Manakala “Mencuba perkara baharu dalam hidup” juga mencatatkan nilai kekerapan agak tinggi iaitu 45 dan ini boleh dianggap sebagai kesediaan dan pemahaman responden terhadap pentingnya elemen pembangunan diri dan peribadi. Hasil dari analisis ini mendapati empat tema yang dapat dihasilkan adalah Tema Kesejahteraan Emosi dan Diri, Tema Hubungan dan Kekeluargaan, Tema Pembangunan Diri dan Spiritual dan Tema Pencapaian dan Keinginan. Perincian analisis domain dan tema seperti di Jadual 8.3.

Jadual 8.3 Perincian Analisis Domain dan Tema

Bil	Domain	Kekerapan	Tema
1	<i>Needs</i> (Keperluan)	Keperluan fisiologi Makan minum tempat tinggal - 137 Laptop / peralatan belajar - 2 Duit / pendapatan- 99 Agama - 29 Kata2 semangat / support system - 79 Ketenangan diri -31	Tema 1: Keperluan Asas i.Makan minum tempat tinggal ii.Duit / pendapatan Tema 2: Pendidikan dan Alat Pembelajaran i.Laptop / peralatan belajar Kluster 3: Sokongan Emosi i.Kata-kata semangat / support system ii.Ketenangan diri Kluster 4: Nilai dan Spiritual i.Agama
2	<i>Expectation</i> (Jangkaan)	Berjaya dalam pelajaran - 97 Mendapat pekerjaan - 101 Tertekan masalah keluarga - 5 Soleh / solehah - 20 Berjaya dalam kehidupan (berdikari) - 92 Hidup mewah -34 Kasih sayang / perhatian ibu bapa - 20	Tema 1: Pencapaian Peribadi i.Berjaya dalam pelajaran ii.Berjaya dalam kehidupan (berdikari) iii. Mendapat pekerjaan Tema 2: Kesejahteraan Emosi i.Tertekan masalah keluarga ii.Kasih sayang / perhatian ibu bapa Tema 3: Nilai Agama i.Soleh / solehah Tema 4: Kedudukan Sosioekonomi i. Hidup mewah
3	<i>Wants</i> (Kehendak)	Duit / kewangan / Berjaya dan berkerjaya - 211 Kesenangan / Mewah 129 Kasih sayang / bahagia - 10 Menjadi inspirasi kpd org lain 28	Tema 1: Kewangan dan Kesejahteraan i.Duit / kewangan ii.Kesenangan / mewah Tema 2: Pencapaian dan Inspirasi i. Berjaya dan berkerjaya

		Membangakan keluarga - 49 Beragama - 29 Cantik - 12 Berkahwin dan berkeluarga - 30	ii. Menjadi inspirasi kepada orang lain Tema 3: Sokongan Emosi dan Hubungan Keluarga i. Membangunkan keluarga ii. Berkahwin dan berkeluarga iii. Kasih sayang / bahagia Tema 4: Nilai dan Kecantikan Diri i. Beragama ii. Cantik
4	<i>Satisfaction (Kepuasan)</i>	Gembira melihat org lain gembira - 12 Menenangkan diri sendiri - 10 Support system - 40 Memperbaiki diri dengan ilmu agama / bersyukur - 47 Mencuba perkara baharu dalam hidup - 45	Tema 1: Kesejahteraan Emosi dan Diri i. Gembira melihat orang lain gembira ii. Menenangkan diri sendiri iii. <i>Support system</i> Tema 2: Sokongan Emosi dan Hubungan Keluarga i. Membangga dan membahagiakan keluarga / ibu bapa Tema 3: Pembangunan Diri dan Spiritual i. Memperbaiki diri dengan ilmu agama / bersyukur ii. Mencuba perkara baharu dalam hidup Tema 4: Pencapaian dan Keinginan i. Berjaya dalam hidup (kerja / belajar) ii. Mendapat apa yang diinginkan (hobi / kenderaan / pakaian / wang / hadiah)

8.5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Hasil analisis tematik menunjukkan bahawa Sokongan Emosi merupakan tema yang paling dominan dalam konteks pencapaian

kesejahteraan hidup remaja, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 3 iaitu Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik. Elemen-elemen seperti "Kata-kata semangat" dan "Ketenangan diri" memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan daya tahan mental dan emosional. Kekerapan yang tinggi dalam aspek sokongan daripada unit keluarga dan jaringan rakan sebaya mencerminkan kepentingan kritikal struktur sosial ini dalam membantu golongan remaja mengatasi pelbagai bentuk tekanan, terutamanya dalam menghadapi cabaran akademik dan sosial yang kompleks. Sebaliknya, tema Nilai dan Kecantikan Diri muncul sebagai elemen yang kurang diutamakan dalam hierarki keperluan kesejahteraan remaja. Justifikasi ini menunjukkan bahawa kesejahteraan remaja lebih dipengaruhi oleh kualiti hubungan interpersonal yang bermakna dan sistem sokongan yang mantap, yang juga menyokong pencapaian SDG 4: Pendidikan Berkualiti.

Berdasarkan dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa sokongan emosi merupakan elemen kritikal dalam strategi holistik untuk meningkatkan kesejahteraan remaja. Oleh itu, fokus intervensi dan dasar berkaitan pembangunan remaja seharusnya memberi keutamaan kepada pengukuhan mekanisme sokongan emosi. Pendekatan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi perkembangan remaja yang sihat dan seimbang dari segi psikososial, selaras dengan SDG 11 iaitu Bandar dan Komuniti yang Lestari. Bagi mencapai matlamat ini, dua cadangan utama diketengahkan adalah pembangunan Program Mentor-Mentee yang komprehensif di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Program ini akan menghubungkan remaja dengan pembimbing yang berpengalaman, meningkatkan sokongan emosi, dan membina kemahiran daya tahan. Cadangan kedua ialah pengintegrasian modul Kecerdasan Emosi dalam kurikulum pendidikan. Langkah ini akan membantu remaja memahami dan mengurus emosi mereka dengan lebih baik, sekaligus meningkatkan kesejahteraan mereka secara keseluruhan. Pelaksanaan kedua-dua cadangan ini akan menyumbang secara signifikan kepada pencapaian SDG yang berkaitan, terutamanya SDG 3 dan 4, sambil memberi

tumpuan kepada peningkatan kesejahteraan remaja secara menyeluruh. Pendekatan bersepadu ini tidak hanya akan meningkatkan kesejahteraan individu, tetapi juga akan memperkukuh asas untuk pembangunan masyarakat yang lebih sihat dan produktif.

RUJUKAN

- <https://www.beritaharian.sg/singapura/remaja-libat-dalam-jenayah-seksual-naik-30-pada-2023>
- https://www.hmetro.com.my/rencana/2023/10/1017933/selaras-had-umur-pesalah-muda#google_vignette
- <https://www.sinarharian.com.my/article/672066/berita/nasional/kes-jenayah-libat-murid-sekolah-rendah-meningkat>
- <https://www.adk.gov.my/infografik-statistik-penyalah-guna-dan-penagih-dadah-serta-bahan-bagi-bulan-januari-mac-tahun-2023/>
- <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/04/13/kesihatan-mental-di-malaysia-semakin-membimbangkan/>
- Abd. Majid, M., Azman, N. Z., & Mohd Yani, N. I. (2019). Faktor penglibatan remaja dalam salah laku seksual: kajian terhadap remaja hamil luar nikah di pusat pemulihan akhlak negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 94-109. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.59>
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370–396. <https://doi.org/10.1037/h0054346>
- Aho, H., Koivisto, A. M., Paavilainen, E., & Joronen, K (2018). Parental involvement and adolescent smoking in vocational setting in Finland. *Health Promot Int.*, 33(5), 846–57
- Bautista, T. G., Roman, G., Khan, M., Lee, M., Sahbaz, S., Duthely, L. M., Knippenberg, A., Macias-Burgos, M. A., Davidson, A., Scaramutti, C., Gabrilove, J., Pusek, S., Mehta, D., & Bredella, M. A. (2023). What is well-being? A scoping review of the conceptual and operational definitions of occupational well-being. *Journal of Clinical and Translational Science*, 7, e227, 1–12. doi: 10.1017/cts.2023.648

- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development*. Harvard University Press.
- Nageswary Visvanathan, Mohd Nazri Abdul Rahman & Ahmad Shamsuri Muhamad (2021). Psychological well-being of adolescents in Selangor, Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 35 (1), 98-110.
- Nurzatil Ismah Azizan, Mariam Abd Majid, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman, Noor Hafizah Mohd Haridi, & Aisyah Humairak Abdul Rahman (2022). Faktor penglibatan salah laku delinkuen dalam kalangan remaja: Kajian di pusat pemulihan. *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 9(2), 59-74.
- Smyth, E., & Darmody, M. (2021). Risk and protective factors in adolescent behaviour: The role of family, school and neighbourhood characteristics in (mis)behaviour among young people. *Econ Soc Res Inst*, 119. <https://doi.org/10.26504/rs119>
- Yimer., B. & Ashebir, W (2019). Parenting perspective on the psychosocial correlates of adolescent sexual and reproductive health behavior among high school adolescents in Ethiopia. *Reprod Health*, 6(1), 1–9. 6.

WANITA

membina Masyarakat Sejahtera

Buku ini mengupas pelbagai aspek penting dalam pemerkasaan wanita dan memperkukuh keluarga serta masyarakat di Malaysia. Berdasarkan pembentangan dari Seminar Antarabangsa Pemerkasaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2024, buku ini merangkumi analisis terhadap Akta OKU 2008, peranan wakil peribadi dalam pentadbiran harta pusaka, serta peranan usrah dalam membina keluarga sakinah. Selain itu, topik-topik seperti konflik kerja-keluarga dalam kalangan penjawat awam, pemahaman remaja terhadap jenayah dan implikasi salah laku, serta pengalaman mangsa gangguan seksual dalam media online turut dibincangkan. Kajian mengenai usaha memandirikan mangsa perdagangan manusia dan pentingnya pendidikan spiritual dalam komitmen perkahwinan menambah lagi nilai buku ini sebagai panduan menyeluruh. Setiap bab mengupas isu-isu kompleks ini dengan pendekatan holistik, memberi panduan dan saranan praktikal untuk memperkukuh kesejahteraan sosial dan meningkatkan kesaksamaan jantina. Buku ini ditujukan kepada ahli akademik, pembuat dasar, dan masyarakat umum yang komited ke arah pembentukan komuniti yang lebih berdaya saing dan inklusif.



ISBN 978-629-97595-6-0



9 786299 17595601



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Faculty of Social Sciences
and Humanities



YPKDT
YANG BERKUALITI DAN BERKUALITI
YANG BERKUALITI DAN BERKUALITI